

# PERADUAN PENGUNJUNG BERTUAH

(SEMPENA MAJLIS PENUTUP MSAM 2017)

## SYARAT-SYARAT & TERMA PERADUAN

1. Peraduan ini terbuka kepada pengunjung MSAM 2017 yang merupakan **WARGANEGARA** Malaysia dan berumur **18 tahun dan ke atas sahaja**. Kakitangan Syarikat Kumpulan PNB (“Penganjur”) dan ahli-ahli keluarga mereka yang terdekat, ejen-ejen serta kontraktor berkaitan MSAM 2017 bagi mana-mana Syarikat Kumpulan PNB **TIDAK DIBENARKAN** menyertai peraduan ini.
2. Penyertaan adalah **PERCUMA** dan tiada sebarang bayaran akan dikenakan bagi menyertai peraduan ini.
3. Peserta perlu menjawab soalan-soalan seperti yang tertera di dalam borang peraduan dan melengkapkan kesemua maklumat peribadi yang diperlukan.
4. Bagi menyertai peraduan ini, pengunjung perlu membawa **KERATAN ASAL** borang peraduan yang telah dilengkapkan dan memasukkannya ke dalam kotak-kotak khas yang akan disediakan pada tempat, tarikh dan masa seperti berikut:

Tempat : Sekitar kawasan **berdekatan pintu masuk Dewan Tun Razak, Temerloh, Pahang / Tapak MSAM 2017, Dataran Temerloh, Temerloh, Pahang**

Tarikh : **25 April 2017 (Selasa)**

Masa : **8.00 pagi – 10.30 pagi**

*(Nota: Pihak Penganjur berhak menukar kedudukan kotak-kotak khas tersebut pada bila-bila masa tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu kepada peserta.)*

5. Penyertaan yang menggunakan salinan fotostat borang ini **TIDAK AKAN DITERIMA**.
6. Tempoh peraduan tamat sebaik sahaja kotak-kotak khas yang menempatkan borang-borang peraduan ditutup pada **25 April 2017, jam 10.30 pagi**.
7. Pemenang akan ditentukan berdasarkan kepada **CABUTAN** yang akan dibuat oleh Panel Hakim pada **25 April 2017, di Pentas Peraduan, Tapak MSAM 2017, Dataran Temerloh, Temerloh, Pahang** pada jam **10.30 pagi**.
8. Penganjur berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan/atau diterima oleh Penganjur selepas tamat tempoh yang ditetapkan.
9. Pemenang-pemenang akan dihubungi melalui **telefon** oleh pihak sekretariat peraduan sebaik sahaja cabutan dibuat. Pemenang **MESTI** berada di **Tapak MSAM 2017** ketika dihubungi.
10. Sekiranya pemenang **tidak dapat dihubungi** pada ketika itu atau mereka **tidak berada di Tapak MSAM 2017**, maka kemenangan peserta tersebut akan **terbatal secara automatik**. Cabutan seterusnya akan dilakukan bagi mencari pengganti pemenang. Pemenang tidak boleh menghantar wakil untuk menerima hadiah bagi pihak pemenang.
11. Bilangan panggilan telefon yang akan dibuat sebelum kemenangan peserta tersebut itu terbatal adalah sebanyak **tiga (3) kali panggilan** sahaja.
12. Selepas panggilan telefon dibuat, pemenang mesti menghadirkan diri di tempat yang ditetapkan (di dalam kawasan Tapak MSAM 2017) dalam masa lima belas (**15**) **minit**. Bagi pemenang yang tidak berjaya hadir di tempat yang ditetapkan dalam tempoh masa tersebut selepas diminta untuk berbuat demikian, kemenangannya juga akan **dibatalkan secara automatik**.

13. Upacara penyampaian hadiah akan dilaksanakan oleh **Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Malaysia** semasa **Majlis Penutup MSAM 2017** di **Dewan Tun Razak, Temerloh, Pahang** pada **25 April 2017 (Selasa), jam 11.30 pagi**.
14. Hadiah-hadiah yang ditawarkan (*tertakluk kepada perubahan*) adalah seperti berikut:
  - a) Cabutan Pertama : Toyota Vios 1.5 GX
  - b) Cabutan Ke-2 : Motorsikal
  - c) Cabutan Ke-3 : MacBook Pro 13”
  - d) Cabutan Ke-4 : iPhone 7 Plus
  - e) Cabutan Ke-5 : Samsung Galaxy S7 Edge
15. Hadiah tidak boleh ditukar kepada wang tunai dan hadiah mesti dituntut dalam tempoh yang ditetapkan.
16. Hadiah yang tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan akan dianggap luput.
17. Dengan menyertai peraduan ini, peserta dianggap **BERSETUJU** untuk mematuhi syarat-syarat dan terma peraduan. Penganjur berhak untuk menukar syarat-syarat dan terma peraduan tanpa perlu memberi notis kepada peserta dan peserta bersetuju untuk mematuhi penukaran tersebut.
18. Keputusan Penganjur adalah **MUKTAMAD** dan sebarang surat menyurat dan segala bentuk komunikasi **TIDAK** akan dilayan. Penganjur berhak untuk membatalkan keputusan pemenang yang didapati melanggar syarat-syarat dan terma peraduan tanpa perlu memberi notis kepada mana-mana pihak.
19. Peserta dan/atau waris-warisnya akan bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang kerugian, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) akibat mengambil bahagian dalam peraduan ini, menuntut dan/atau menggunakan hadiah peraduan ini dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan pihak penganjur terhadap sebarang liabiliti.
20. Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi, dan /atau sebarang kos, yuran atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk menyertai peraduan ini dan/atau menuntut hadiah adalah tanggungjawab peserta sepenuhnya.
21. Dengan menyertai peraduan ini, peserta memberi kebenaran kepada pihak penganjur untuk menggunakan butir-butir peribadi, nama dan/atau gambar pemenang sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan, perdagangan dan/atau publisiti dan peserta tidak berhak membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan untuk bahan tersebut.